

LEMBARAN KERJA BAHASA MELAYU TAHUN 2

Mudahnya Menghalau Serangga

Nama :

Tarikh : 23 Ogos 2021

Arahan : Padankan kosa kata dengan maksud yang sesuai berpandukan teks.

**Membaca**

Mudahnya Halau Serangga

Ayah Hasan, iaitu Encik Mahzan, telah menyemai dan menanam banyak pokok paku gunung di kawasan rumahnya. Pokok-pokok itu untuk dijual. Pokok itu mendapat **permintaan** yang tinggi daripada peminat pokok paku pakis.

Pokok itu **tumbuh** subur. Malangnya, daun pokok itu **diserang** ulat.

Encik Mahzan telah mendapat maklumat daripada **Internet** tentang cara menghapuskan ulat dengan mudah. Beliau tidak perlu menggunakan **racun**.

Encik Mahzan menapis air **basuhan** cili kering di dapur rumahnya. Selepas itu, beliau memasukkan air itu ke dalam botol **penyembur**.

Encik Mahzan menyembur daun-daun muda pada pokok paku gunungnya. Ulat tidak berani makan daun pokok itu lagi. Pokok itu **subur** dan **menghijau** kembali. Banyak orang membeli pokok paku gunung Encik Mahzan.



permintaan	•	• alat untuk menyembur
tumbuh	•	• dirosakkan
diserang	•	• apa-apa yang dicuci
Internet	•	• permohonan
racun	•	• nampak berwarna hijau
basuhan	•	• bahan berbisa yang dapat mematikan sesuatu
penyembur	•	• rangkaian komputer antarabangsa
subur	•	• hidup
menghijau	•	• sihat